

# UPM patenkan produk penyelidikan berpotensi

BH 11/7/03

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Putra Malaysia (UPM) akan mempatenkan semua hasil penyelidikannya yang mempunyai potensi tinggi dikomersialkan untuk kegunaan domestik atau industri.

Selain itu, Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Zohadie Bardaie, berkata universiti itu juga akan mendaftarkan tanda niaga (trade-mark) bagi produk yang boleh terus dipasarkan sama ada di dalam atau luar negara.

Beliau berkata, dua langkah itu akan mempercepatkan proses mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta

menjana hasil kepada universiti atau penyelidik.

"Sebanyak 36 hasil penyelidikan pensyarah UPM sudah didaftarkan untuk mendapat hak paten di negara kita. Jumlah ini termasuk satu produk kejuruteraan yang berjaya mendapat paten di Pejabat Paten dan Tanda Niaga, Amerika Syarikat.

"Selain itu, 14 produk sudah memasuki pasaran, antaranya baja Vita Grow dan baja bio-mycorrhiza serta jagung hibrid Putra J-58 untuk makanan haiwan," katanya selepas Majlis Perasmian Pameran Reka Cipta dan Penyelidikan UPM 2003 di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Hadir sama Timbalan Naib Can-

selor (Akademik), Prof Dr Muhammad Awang dan Pengarah, Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC), Prof Madya Dr Mohd Shahwahid Othman.

Sebanyak 480 hasil penyelidikan pensyarah dan pelajar siswazah UPM menyertai pameran tiga hari itu.

Beliau berkata, RMC membantu penyelidik universiti itu mendapatkan hak paten, manakala Pusat Perniagaan Universiti (UBC) berperanan mencari rakan kongsi bagi memasarkan produk.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mohd Zohadie berkata, UPM akan melipatgandakan usaha untuk menggalakkan kegiatan R&D dan menjadi hab penyelidikan terkemuka di peringkat antarabangsa.

Beliau berkata, universiti itu akan memberi tumpuan kepada bidang kepakarannya (niche) seperti biologi penternakan, perikanan dan tumbuh-tumbuhan.

"UPM akan meneroka bidang yang berpotensi tinggi seperti bionanoteknologi dan bercadang menubuhkan makmal khas dalam bidang ini.

"Selain kajian gunaan, kita juga



**DR MOHD ZOHADIE (tengah) dan Dr Mohd Shahwahid (kanan) mendengar penerangan Dr Radzali Muse mengenai penyelidikan untuk menghasilkan minyak wangi daripada bunga cempaka.**

akan mempergiatkan penyelidikan asas bagi membangunkan ilmu baru yang juga menyediakan asas untuk melahirkan nobel laureate

"Untuk mencapai matlamat ini, UPM akan memperkukuh kerjasama antara fakulti dan institut di

universiti ini agar tenaga pakar dan kemudahan yang ada dimanfaatkan secara optimum," katanya.

Dr Mohd Zohadie berkata, UPM juga akan menganjurkan Pameran Penyelidikan IPTA 2003 di Pusat Dagangan Dunia Putra, pada 9 hingga 12 Oktober ini.